

PENGGUNAAN E-LEARNING (E-PEMBELAJARAN) DI KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR KURSUS SARJANA MUDA UKUR BAHAN,
UTM, JOHOR.

TING WAN LOONG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan.

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2008

ABSTRAK

Dalam era baru ini, teknologi telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian seseorang manusia. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah banyak digunakan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di kebanyakan universiti. Pembelajaran elektronik (e-learning) merupakan suatu pendekatan pengajaran baru yang hasil daripada gabungan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia juga merupakan salah sebuah institut pengajian tinggi yang telah melaksanakan kaedah e-pembelajaran dalam proses pembelajaran sejak tahun 1997. Namun, e-pembelajaran canggih ini masih tidak kerap digunakan oleh pelajar daripada Fakulti Alam Bina terutamanya pelajar kursus Sarjana Muda Ukur Bahan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penggunaan e-pembelajaran dan masalah-masalah penggunaan e-pembelajaran serta tahap kekerapannya di kalangan pelajar kursus Sarjana Muda Ukur Bahan (SBQ). Dalam kajian ini, seramai 181 responden diambil secara rawak daripada pelajar Tahun Satu hingga Tahun Akhir yang mengikuti kursus SBQ. Perisian komputer Microsoft office Excel 2003 telah digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul dan kaedah deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan min keseluruhan digunakan untuk menganalisis setiap item yang terdapat dalam borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar SBQ adalah rendah iaitu hanya 1 hingga 2 kali dalam satu semester. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kekerapan masalah yang dihadapi dalam penggunaan sistem e-pembelajaran adalah rendah. Walaubagaimanapun, masih terdapat juga masalah-masalah lain seperti kemudahan komputer yang tidak mencukupi, bahan pembelajaran tidak dikemaskinikan, talian internet yang sangat perlahan yang berada pada tahap sederhana. Akhir sekali, hasil kajian dibincang dan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan juga dicadangkan.

ABSTRACT

In this new era, technology plays a great role in human life. Nowadays, information technology and communications (ICT) had been widely used in teaching and learning especially in higher institutions. Electronic learning (e-learning) is a new teaching approach which emerges by combining the information technology in teaching and learning process. Universiti Teknologi Malaysia is one of the universities which has implemented the e-learning in its teaching and learning process since 1997. However, this system is not frequently used by the students from Fakulti Alam Bina especially the quantity surveying course (SBQ). Therefore, the first objective of this research is to identify the usage level of the e-learning among the quantity surveying students (SBQ) and the second objective is to identify the problems and its frequencies in using the e-learning among the quantity surveying students (SBQ). A total of 118 respondents were selected randomly among the students ranging from the First Year till the Final Year in the quantity surveying course. Descriptive methods such as frequency, percentage, mean and overall mean were used to analyse the collected data with the help of Microsoft Office Excel 2003. The results show that the usage levels among the SBQ students are low which only 1 to 2 times per semester. Besides, the results show that the problems occurred are including the shortage of computer facilities, learning materials which are not updated and poor internet connections at medium level. However, the overall occurrences of problems are low in using the e-learning system. Finally, outcome of the study are discussed and several suggestions are proposed for future research.